

SURAT KELILING KEMENTERIAN KEWANGAN BILANGAN 3/2004

Dengan penuh hormat dan takzim, sukacita memaklumkan bahawa Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah mengurniakan titah perkenan bagi perubahan kepada prosedur tawaran dan sebutharga yang berkuat kuasa pada masa ini seperti berikut:

2. Sebagai tambahan kepada Lembaga Tawaran Negara di Kementerian Kewangan, semua Kementerian diberi kuasa untuk menubuhkan Lembaga Tawaran Kecil masing-masing. Walau bagaimanapun semua hal ehwal tawaran Jabatan-Jabatan di bawah Kementerian Kewangan dan lain-lain pihak yang tidak termasuk di bawah kuasa Lembaga Tawaran Kecil Kementerian-Kementerian lain akan di kendalikan oleh Lembaga Tawaran Negara.
3. Tiap-tiap tahun Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan akan melantik ahli-ahli bagi Lembaga Tawaran Negara dan Lembaga Tawaran Kecil seperti berikut:
 - i. tidak melebihi 5 orang ahli bagi Lembaga Tawaran Negara termasuk Setiausaha Tetap Kementerian Kewangan sebagai Pengurus;
 - ii. tidak melebihi 5 orang ahli Lembaga Tawaran Kecil termasuk Setiausaha Tetap Kementerian masing-masing sebagai Pengurus, seorang Ketua Jabatan didalam Kementerian tersebut dan seorang ahli mewakili Kementerian Kewangan.
4. Pengurus dan ahli Lembaga Tawaran Negara dan Lembaga Tawaran Kecil adalah diberi kuasa untuk menginitial semua dokumen tawaran semasa membuka tawaran.
5. Bidang kuasa Lembaga Tawaran Kecil adalah tertakluk kepada Peraturan Kewangan 327 hingga 340 yang mana antaralain ialah untuk menerima dan membuka semua tawaran Jabatan-Jabatan dibawah Kementerian masing-masing.
6. Setelah membuka dan merekod semua dokumen tawaran yang diterima, Pengurus Lembaga Tawaran Kecil Kementerian hendaklah menghadapkan semua dokumen tawaran ke Jabatan-Jabatan berkenaan dengan segera bagi penilaian dan sokongan dengan menggunakan contoh persuratan seperti di Lampiran A.
7. Mana-mana tawaran yang bernilai \$250,000.00 dan kebawah, Lembaga Tawaran Kecil akan menimbangkan sokongan Ketua-Ketua Jabatan dan seterusnya menghadapkan sokongan kepada Menteri masing-masing bagi diluluskan sendiri oleh Menteri-Menteri berkenaan. Bagi tawaran yang bernilai melebihi \$250,000.00, Ketua-Ketua Jabatan akan terus menghadapkan sokongan ke Pengurus Lembaga Tawaran Negara di Kementerian Kewangan untuk pertimbangan selanjutnya.
8. Pengurus Lembaga Tawaran Kecil hendaklah menghadapkan salinan minit Mesyuarat Lembaga Tawaran Kecil yang telah disahkan kepada Pengurus Lembaga Tawaran Negara tidak lewat 2 minggu setelah ianya diluluskan oleh Menteri masing-masing dengan memberikan salinan kepada Jurukira Agung dan Juruaudit Agung.

1. 500 0




9. Dalam menimbangkan sokongan-sokongan tender daripada Jabatan-Jabatan, Lembaga Tawaran Kecil hendaklah terlebih dahulu memastikan perkara-perkara berikut:

- i. Business Unit, Department ID, Akaun dan Jumlah Peruntukan yang akan digunakan adalah betul, bersesuaian dan mencukupi bagi membayai tawaran yang disokong;
- ii. Variation Order bagi kerja-kerja yang telah ditawarkan atau sedang dilaksanakan yang menjadikan harga projek meningkat melebihi \$250,000.00 hendaklah dihadapkan ke Lembaga Tawaran Negara untuk pertimbangan;
- iii. Bagi projek-projek yang menggunakan peruntukan Rancangan Kemajuan Negara hendaklah mendapat pengesahan dan kebenaran dari Ketua Pengarah Perancangan dan Kemajuan Ekonomi terlebih dahulu;
- iv. Pengesahan Ketua Jabatan bahawa harga tawaran yang disokong adalah berpatutan hendaklah disertakan dalam setiap sokongan daripada Jabatan-Jabatan;
- v. Setiap tawaran tender yang hendak disokong, hendaklah mengambil kira dan menyatakan harga tawaran termasuk cukai-cukai kastam;
- vi. Meneliti salinan pendaftaran perniagaan bagi kesemua penender yang ikut serta yang menyenaraikan butir-butir pemilik syarikat berkenaan seperti nama bilangan pendaftaran dan negeri asal kad pengenalan atau paspot pemilik;
- vii. Pengakuan bertulis (declaration) daripada kesemua syarikat yang menyertai setiap tawaran bahawa mereka tidak mempunyai kepentingan atau pertalian keluarga dalam syarikat-syarikat lain yang menyertai tawaran yang sama;
- viii. Mana-mana ahli yang mempunyai kepentingan atau pertalian keluarga dalam syarikat-syarikat yang menyertai tawaran hendaklah memaklumkan perkara ini kepada Pengerusi untuk dicatat dalam minit Mesyuarat.

10. Mesyuarat Lembaga Tawaran Negara diadakan tiap-tiap Hari Isnin jam 8.30 pagi dan 1.45 petang dan semua penerimaan tawaran di-bawah bidang kuasa Lembaga Tawaran Negara akan ditutup pada hari yang sama jam 2.00 petang, kecuali jika hari itu jatuh pada hari kelepasan awam dimana mesyuarat akan diadakan pada hari bekerja berikutnya jam 8.30 pagi dan penerimaan tawaran akan ditutup pada hari Isnin minggu berikutnya jam 2.00 petang.

11. Mesyuarat Lembaga Tawaran Kecil diadakan pada tiap-tiap Hari Selasa jam 8.30 pagi dan 1.45 petang dan semua penerimaan tawaran di bawah bidang kuasa Lembaga Tawaran Kecil akan ditutup pada hari yang sama jam 2.00 petang, kecuali jika hari itu jatuh pada hari kelepasan awam, dimana mesyuarat akan diadakan pada hari bekerja berikutnya jam 8.30 pagi dan penerimaan tawaran akan ditutup pada hari Selasa minggu berikutnya jam 2.00 petang.

12. Korum mesyuarat Lembaga Tawaran Negara dan Lembaga Tawaran Kecil ialah 3 orang ahli. Salah seorang ahli Lembaga boleh menjadi Pemangku Pengerusi jika Pengerusi



Lembaga berkenaan tidak hadir dalam mesyuarat tersebut kerana bercuti, bertugas diluar Negara atau kerana sebab-sebab tertentu sahaja.

13. Semua iklan tawaran mestilah disebarluaskan sekurang-kurangnya dua minggu sebelum tawaran diterima oleh Lembaga Tawaran Negara atau Lembaga Tawaran Kecil Kementerian-Kementerian.

14. Penilaian tawaran oleh Kementerian-Kementerian dan Jabatan-Jabatan berkenaan hendaklah dibuat tidak melebihi dari tempoh 2 bulan dari tarikh dokumen tender diterima daripada Lembaga Tawaran Negara atau Lembaga Tawaran Kecil. Seterusnya pemberian tender mestilah diusahakan tidak lebih 3 bulan daripada tarikh tutup tawaran yang berkenaan. 1% daripada bayaran konsultan akan dipotong tiap-tiap hari jika konsultan berkenaan menghantar penilaian mereka lebih daripada 35 hari dari tarikh penerimaan dokumen tender Jabatan-Jabatan.


15. Proses tawaran mengikut Surat Keliling ini ialah seperti di Lampiran B. Pengerusi Lembaga Tawaran Negara Kementerian Kewangan akan terus memaklumkan kebenaran tender melebihi \$250,000.00 secara bertulis kepada Ketua-Ketua Jabatan dengan memberikan salinannya kepada Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil berkenaan. Contoh persuratan kebenaran tender seperti Lampiran C mestilah digunakan.

16. Bagi memudahkan penyemakkan pembayaran oleh Jabatan Pebendaharaan, Ketua-Ketua Jabatan hendaklah menyertakan salinan bergambar surat-surat kebenaran Lembaga Tawaran Negara atau Lembaga Tawaran Kecil berserta dengan baucar pembayaran dan pihak Jabatan Pebendaharaan akan mengembalikan baucar pembayaran jika surat kebenaran tersebut tidak disertakan.

17. Semua tender melebihi \$25,000.00 hendaklah dibuat secara terbuka. Tender jemputan, tender pilihan dan pengecualian daripada prosedur tender hanya boleh dipertimbangkan oleh Lembaga Tawaran Kecil (tender bernilai \$250,000.00 dan ke bawah) dan Lembaga Tawaran Negara (tender melebihi \$250,000.00) jika barang atau pembelian berkenaan dikehendaki segera. Mana-mana tender jemputan, tender pilihan dan pengecualian daripada prosedur tender yang diluluskan oleh Lembaga Tawaran Kecil hendaklah dimaklumkan kepada Pengerusi Lembaga Tawaran Negara secara bertulis tidak melebihi 1 bulan setelah ianya diluluskan dengan memberikan alasan yang lengkap mengenai keputusan Lembaga Tawaran Kecil tersebut.

18. Bagi melaksanakan Peraturan Kewangan bilangan 327, jumlah pembelian atau kontrak tanpa proses tender yang boleh dibuat oleh Ketua-Ketua Jabatan termasuk Setiausaha-Setiausaha Tetap Kementerian ialah \$25,000.00. Walau bagaimanapun jika kos pembelian atau kontrak itu dijangka bernilai lebih daripada \$2,000.00 Ketua-Ketua Jabatan hendaklah mendapatkan sebutharga bertulis sekurang-kurangnya 3 penender yang layak dan sebutharga hendaklah dialamatkan kepada peti sebutharga Jabatan masing-masing untuk dibuka dan dipertimbangkan oleh Ketua-Ketua Jabatan.

19. Prosedur tawaran dan sebutharga di atas telah diubahsuai adalah semata-mata untuk mempercepatkan dan mengukuhkan lagi proses tawaran dan memberikan tanggungjawab secara langsung kepada Kementerian masing-masing dalam usaha untuk meningkatkan lagi keberkesanan perkhidmatan yang diberikan kepada orang ramai. Adalah diharapkan fleksibiliti prosedur tawaran dan sebutharga di atas dapat digunakan dengan teliti, penuh amanah dan jujur. Tindakan tatatertib dan undang-undang akan diambil jika



pegawai-pegawai dan kakitangan yang terlibat dalam proses tender dan sebutharga tidak menurut prosedur Surat Keliling ini atau Peraturan Kewangan dan Perlembagaan Negara Brunei Darussalam.

20. Surat Keliling ini akan berkuat kuasa mulai 1 November 2004 dan seterusnya membatalkan Surat Keliling Kementerian Kewangan bilangan 1/2001 bertarikh 31hb Mac 2001 dan lain-lain Surat Keliling yang berkenaan dengan prosedur tender dan sebutharga yang telah dikeluarkan terdahulu daripada Surat Keliling ini. Prosedur tender dan sebutharga yang baru ini akan dikaji dari masa kesemasa bagi memastikan keberkesanannya.

Dengan hormat,

[PENGIRAN DATO PADUKA HAJI MAIDIN BIN PENGIRAN HAJI HASHIM]
Setiausaha Tetap
Kementerian Kewangan
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Tarikh: 26 Oktober 2004
Rujukan: KKW/X/104

FORMAT MENGHADAPKAN DOKUMEN TAWARAN KEPADA KETUA-KETUA JABATAN UNTUK PENILAIAN DAN SOKONGAN

*Yang Berhormat/Yang Dimuliakan/Yang Mulia
 Ketua Jabatan
 Jabatan
 Kementerian
 Negara Brunei Darussalam*

Pengiran/Pehin/Dato/Datin/Tuan/Puan

Dengan penuh hormatnya sukacita disertakan bersama ini tawaran-tawaran yang tersebut di bawah, yang telah dibuka pada hari Selasa (*haribulan*) jam 2.00 petang untuk tindakan pihak Pengiran/Pehin/Dato/Datin/Tuan/Puan selanjutnya.

**(1) RUJUKAN TAWARAN
 GELARAN TAWARAN
 JUMLAH TAWARAN YANG DITERIMA**

BIL	NAMA PENENDER	HARGA TAWARAN

**(2) RUJUKAN TAWARAN
 GELARAN TAWARAN
 JUMLAH TAWARAN YANG DITERIMA**

BIL	NAMA PENENDER	HARGA TAWARAN

**(3) RUJUKAN TAWARAN
 GELARAN TAWARAN
 TIADA TAWARAN DITERIMA**

2. Bagi mempercepatkan proses pertimbangan sokongan tawaran di atas, maka sukacita mendapat kerjasama pihak Pengiran/Pehin/Dato/Datin/Tuan/Puan supaya akan memastikan sokongan tawaran hendaklah lengkap dan teratur dengan memberikan/mengesahkan butir-butir seperti berikut;-

- i) Business Unit, Department ID, Akaun dan Jumlah Peruntukan yang akan digunakan adalah betul, bersesuaian dan mencukupi bagi membiayai tawaran di atas seperti yang diamanahkan oleh Waran Perbendaharaan;
- ii) Sokongan yang menggunakan projek-projek Rancangan Kemajuan Negara hendaklah mendapat pengesahan dari Ketua Pengarah Perancangan dan Kemajuan Ekonomi terlebih dahulu dan menghadapkan salinannya ke Lembaga Tawaran Negara selaras dengan surat Lembaga Tawaran Negara bil: LTN/4 bertarikh 4 April 2002;

- iii) Tempoh sahlaku tawaran yang masih sah;
- iv) Tempoh penyiapan kerja/pembekalan/kontrak;
- v) Dokumen-dokumen tawaran asal bagi penender-penender yang disokong dan juga penender-penender yang menawarkan harga yang terendah, kedua, ketiga terendah dan seterusnya;
- vi) Harga tawaran yang disokong adalah berpatutan;
- vii) Menyertakan salinan pendaftaran perniagaan bagi *kesemua penender* yang ikut serta yang menyenaraikan butir-butir pemilik syarikat berkenaan seperti nama bilangan pendaftaran dan negeri asal kad pengenalan atau passport pemilik;
- viii) Pengakuan bertulis (*declaration*) daripada *kesemua penender* yang menyertai setiap tawaran bahawa mereka tidak mempunyai kepentingan atau pertalian keluarga dalam syarikat-syarikat lain yang menyertai tawaran sama;
- ix) Salinan surat ini;
- x) 7 salinan sokongan tawaran.


3. Sokongan tawaran yang **lengkap** dan **teratur** hendaklah dihadapkan ke Lembaga Tawaran Negara secepat mungkin **secara berasingan** bagi **setiap tawaran tidak lebih dua (2) bulan** daripada tarikh menerima tawaran selaras dengan surat Lembaga Tawaran Negara bil: LTN/4 bertarikh 11 Ogos 2004.

4. Sekian dihadapkan untuk perhatian dan tindakan pihak Pengiran/Pehin/Dato/Datin/Tuan/Puan selanjutnya.

Dengan hormat

[.....]
bp Pengurus
Lembaga Tawaran Negara-

**CARTA ALIRAN
PROSES MENGHADAPKAN TAWARAN**



FORMAT MENYAMPAIKAN KEBENARAN TAWARAN

Yang Berhormat/Yang Dimuliakan/Yang Mulia
 Ketua Jabatan
 Jabatan
 Kementerian
 Negara Brunei Darussalam

Pengiran/Pehin/Dato/Datin/Tuan/Puan

RUJUKAN TAWARAN GELARAN TAWARAN

Dengan penuh hormatnya sukacita merujuk surat/memorandum *Pengiran Dato/Pehin/Dato/Datin/Pengiran/Tuan/Puan* bil: (rujukan) bertarikh (*haribulan*) mengenai dengan tawaran yang tersebut di atas.

2. Sukacita memaklumkan bahawa **kebenaran** adalah diberikan bagi penerimaan tawaran seperti berikut:-

Nama Penender	:
Harga Tawaran	:
Tempoh Penyiapan Kerja/Pembekalan/Kontrak	:
Akaun dan Jumlah Peruntukan/Tajuk Projek (RKN) dan Jumlah Peruntukan	:

3. Selaras dengan keputusan Kerajaan, Lembaga menasihatkan supaya perbelanjaan dikurangkan 20% bagi tujuan penjimatan dengan mengurangkan skop kerja projek-projek berkenaan mana-mana difikirkan berpatutan.

4. Pihak *Pengiran/Pehin/Dato/Datin/Tuan/Puan* adalah disyorkan merundingkan semula harga tawaran di atas kepada penender yang berjaya dengan tujuan mengurangkan harga tawaran demi menjimatkan perbelanjaan Kerajaan yang mana mengambil kira penurunan harga barang-barang dan sebagainya. Jika ada penurunan harga dipersetujui oleh penender yang berjaya, Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil hendaklah dimaklumkan dan salinannya kepada Jurukira Agung dan Juruaudit Agung.

5. Seterusnya Lembaga menasihatkan supaya pihak *Pengiran/Pehin/Dato/Datin/Tuan/Puan* membuat perundingan ke atas pengurangan harga dengan segera.

6. Sukacita juga kiranya pihak *Pengiran/Pehin/Dato/Datin/Tuan/Puan* akan dapat memastikan perkara-perkara berikut:-

- (i) **Sebelum pesanan dikeluarkan, akaun dan jumlah peruntukan hendaklah betul dan mencukupi bagi membiayai projek di atas seperti yang diamanahkan oleh Waran Perbendaharaan.**
- (ii) **Untuk mempercepatkan proses pembayaran oleh Jabatan Perbendaharaan, salinan surat kebenaran Lembaga ini hendaklah disertakan bersama dengan tiap-tiap baucer pembayaran yang berkenaan.**

7. Sekian disampaikan untuk perhatian dan tindakan pihak *Pengiran/Pehin/Dato/Datin/Tuan/Puan* selanjutnya.

Dengan hormatnya

Pengerusi
 Lembaga Tawaran Kecil
 Kementerian.....
 Negara Brunei Darussalam

Salinan:

YM Pengerusi Lembaga Tawaran Negara, Kementerian Kewangan
 YM Jurukira Agung (Bahagian Pembayaran), Jabatan Perbendaharaan
 (Jika kehendak para 6(ii) di atas tidak dipatuhi, sila kembalikan baucer pembayaran kepada Kementerian/Jabatan tersebut)
 YM Juruaudit Agung, Jabatan Perdana Menteri
 YM Pegawai Percukaian Kanan (Bahagian Hasil), Kementerian Kewangan



Telefon : 235808
Fax : 235804



FO
jt

لِمَبَاكْ تَاوُن نَكَارَا
كَمِنْتَنْ كِرَاشِنْ

LEMBAGA TAWARAN NEGARA
KEMENTERIAN KEWANGAN
BANDAR SERI BEGAWAN 1130
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

SULIT

Rujukan Kami : LTN/4 (46/1995)

13 Syaaban 1416
4 Januari 1996

Yang Mulia
Setiausaha Tetap-Setiausaha Tetap/
Ketua-Ketua Jabatan
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Pengiran/Pehin/Dato/Tuan

Dengan penuh hormat dan takzim adalah dimaklumkan bahawa mana-mana penender yang menarik diri selepas tarikh tutup tawaran akan diharamkan mengikut jumlah harga tawaran seperti berikut dan wang cengkeramnya tidak dikembalikan:-

<u>Jumlah</u>	<u>Bulan</u>
\$25,000.00 kebawah	1
\$25,000.01 hingga \$150,000.00	2
\$150,000.01 hingga \$250,000.00	3
\$250,000.01 hingga \$500,000.00	4
\$500,000.01 hingga \$750,000.00	5
\$750,000.01 hingga \$1,000,000.00	6
\$1,000,000.01 hingga \$1,500,000.00	7
\$1,500,000.01 hingga \$2,000,000.00	8
\$2,000,000.01 hingga \$2,500,000.00	9
\$2,500,000.01 hingga \$3,500,000.00	10
\$3,500,000.01 hingga \$5,000,000.00	11
\$5,000,000.01 keatas	12

1/



- 2 -

Nota:

Walau bagaimanapun jangkamasa pengharaman ini adalah tertakluk kepada masaalah yang berbangkit dan kepentingan tawaran yang berkenaan. Jika didapati berlaku penipuan kepada Kerajaan, Lembaga Tawaran Negara atau Lembaga Tawaran Kecil berhak mengenakan denda maksima seumur hidup.

2. Sukacita kiranya akan dapat menyampaikan maklumat mengenai pengharaman ini kepada bahagian-bahagian di Kementerian/Jabatan Pengiran/Pehin/Dato/Tuan dan juga Pegawai-Pegawai yang bertanggungjawab terhadap pengendalian projek/pembekalan.

Kaola/Saya yang taat menjunjung
Titah perintah

Noriah
[HAJAH NORIAH MO~~H~~AMMAD ABBAS]
b/p Pengurus
Lembaga Tawaran Negara

-/k3

Befon : 235808
: 235804



لِمَبَاكْ تَاوَنْ نَكَارَ
كَمْنَتَنْ كَوَاعِنْ

LEMBAGA TAWARAN NEGARA
KEMENTERIAN KEWANGAN
BANDAR SERI BEGAWAN 1130
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

رُجُوك Kami : LTN/4(39/1997)

15 Rejab 1418
15 Nobember 1997

Yang Dimuliakan/Yang Mulia
Setiausaha Tetap-Setiausaha Tetap dan
Ketua-Ketua Jabatan
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Pengiran/Pehin/Dato/Datin/Awang/Dayang

Dengan penuh hormat dan takzim sukacita memaklumkan bahawa satu garispandu tempoh pengharaman bagi pemborong/penender yang menolak atau membatalkan kontrak (selepas tawaran diterima) dibuat seperti berikut mengikut jumlah tender yang berkenaan:-

1.

TEMPOH PENGHARAMAN BAGI PEMBORONG YANG MENOLAK
-PENERIMAAN TAWARAN/DIMANSOHKAN KONTRAK

\$ 25,000.01	hingga	\$ 25,000.00	-	1 bulan
\$ 150,000.01	hingga	\$ 150,000.00	-	2 bulan
\$ 250,000.01	hingga	\$ 250,000.00	-	3 bulan
\$ 500,000.01	hingga	\$ 500,000.00	-	4 bulan
\$ 750,000.01	hingga	\$ 750,000.00	-	5 bulan
\$ 1,000,000.01	hingga	\$ 1,000,000.00	-	6 bulan
\$ 1,500,000.01	hingga	\$ 1,500,000.00	-	7 bulan
\$ 2,000,000.01	hingga	\$ 2,000,000.00	-	8 bulan
\$ 2,500,000.01	hingga	\$ 2,500,000.00	-	9 bulan
\$ 3,500,000.01	hingga	\$ 3,500,000.00	-	10 bulan
\$ 5,000,000.01	hingga	\$ 5,000,000.00	-	11 bulan
	keatas		-	12 bulan

- ✓ 2. Pemborong/penender berkenaan adalah termasuk mereka yang membatalkan tawaran/kontraknya setelah dimulakan (yang tidak melengkapkannya tawaran/kontraknya).
3. Pemborong/penender yang menolak tawaran setelah kebenaran tawaran diperolehi samada melalui kontrak atau pesanan-pesanan resmi seperti Inden, "Work Order" dan lain-lain akan diharamkan dari mengambil bahagian dalam sebarang tawaran Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang DiPertuan Negara Brunei Darussalam. Tarikh permulaan tempoh pengharaman ditetapkan oleh:-



- 2 -

- a] Lembaga Tawaran Negara bagi projek/tawaran yang bernilai melebihi \$150,000.00.
 - b] Lembaga Tawaran Kecil bagi projek/tawaran yang berjumlah \$25,000.00 sehingga \$150,000.00.
4. Selain dari pengharaman di atas, pemborong/penender juga akan dikenakan denda mengikut kadar maksima 10% terhadap baki pesanan/perkhidmatan yang belum atau tidak dapat dilaksanakan mengikut kebenaran asal tawarannya.
5. Lembaga juga bersetuju untuk mengadakan sistem bayaran tawaran atau 'tender fee' terhadap setiap penender, selaras dengan kadar wang cagaran tawaran ('tender deposit') menjadi 'tender fee' yang terdapat pada masa ini dan dengan itu sistem w.rng cagaran akan ditiadakan.
6. Tatacara dan peruntukan-peruntukan b.uu ini hendaklah dimaklumkan dan diberitahu lebih awal dengan jelas kepada bakal pemborong/penender yang berkenaan.
7. Semua pengharaman bertulis kepada penender yang berkenaan hendaklah dimaklumkan kepada semua Ketua-Ketua Jabatan dan Kementerian dengan memberikan salinan kepada Pengerusi Lembaga Tawaran Negara.

Sekian.

Dengan Hormat

Salam
(DATO PADUKA HAJI YAKUB ABU BAKAR)
Pengerusi
Lembaga Tawaran Negara



SURAT KELILING KEMENTERIAN KEWANGAN BILANGAN 2/2009.

Dengan penuh hormat dan takzim, suacita memaklumkan bahawa Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah mengurniakan titah perkenan bagi mengadakan satu garispanduan bagi Yuran Tawaran (*Tender Fee*) untuk dikenakan kepada setiap penender-penender yang menyertai tawaran-tawaran yang dikeluarkan oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan mengenakan Wang Jaminan Prestasi kepada penender yang berjaya (*Awarded*).

2. Garispanduan ini bertujuan untuk penyelarasian kadar Yuran Tawaran yang dikenakan pada masa ini oleh Kementerian-Kementerian dan Jabatan-Jabatan Kerajaan supaya ianya dibuat dengan telus dan saksama, serta tidak membebankan pihak penender-penender dan pihak Kerajaan seperti berikut:-

- 2.1 Garispanduan ini juga bertujuan untuk mewujudkan Yuran Tawaran bagi menggantikan dan meniadakan *Tender Deposit* seperti yang pernah dikeluarkan melalui surat LTN bilangan LTN/4(39/1997) bertarikh 15 November 1997;
- 2.2 Kadar Yuran Tawaran ini adalah berdasarkan kepada mengenakan bayaran pendaftaran bagi menyertai tawaran dan juga mengenakan Yuran Dokumen (*Document Fee*). Yuran Tawaran ini tidak akan dikembalikan (*non-refundable*);
- 2.3 Jika sesuatu tawaran itu dibatalkan oleh pihak Kerajaan dan kemudian akan ditawarkan semula, yuran tawaran penender-penender yang telah ikut serta didalam tawaran asal akan dikembalikan kepada mereka;
- 2.4 Walaubagaimanapun, jika sesuatu tawaran itu harus dibatalkan dan akan ditawarkan semula kerana setelah penilaian dibuat tidak ada satu penender yang layak dan tidak memenuhi spesifikasi, yuran tawarannya tidak akan dikembalikan, tertakluk kepada keputusan muktamad daripada LTN ataupun LTK;
- 2.5 Setiap Kementerian/Jabatan hendaklah memberikan masa yang berpatutan bagi setiap penender untuk meneliti dokumen tawaran berkenaan sebelum penender tersebut membuat pembayaran Yuran Tawaran;
- 2.6 Setiap penender yang menyertai tawaran yang dikeluarkan adalah diperlukan untuk menyertakan salinan resit pembayaran yuran tawaran didalam cadangan tawarannya (*tender proposal*) bagi pengesahan.

A handwritten signature in black ink, likely belonging to a government official, is placed at the bottom right of the document.



3. Kadar-Kadar Yuran Tawaran dikenakan kepada setiap penender yang menyertai tawaran Kerajaan adalah seperti berikut:

BIL	HARGA PROJEK (PROJECT VALUE)	YURAN TAWARAN	YURAN e-DOKUMEN
1	B\$50,000.01 hingga B\$100,000.00	B\$10.00	B\$5.00
2	B\$100,000.01 hingga B\$250,000.00	B\$30.00	B\$5.00
3	B\$250,000.01 hingga B\$500,000.00	B\$50.00	B\$5.00
4	B\$500,000.01 hingga B\$1 juta	B\$100.00	B\$5.00
5	B\$1,000,000.01 hingga B\$5 juta	B\$500.00	B\$5.00
6	B\$5,000,000.01 hingga B\$10 juta	B\$1,000.00	B\$5.00
7	B\$10,000,000.01 hingga B\$20 juta	B\$2,000.00	B\$5.00
8	Melebihi B\$20 juta	B\$5,000.00	B\$5.00

- 3.1 Yuran Tawaran e-Dukumen sebanyak \$5.00 adalah bagi memberikan pilihan kepada penender-penender yang berhasrat untuk membeli dokumen tawaran dalam bentuk *softcopy*, samada melalui disket atau cekera padat (CD) yang mengandungi maklumat-maklumat mengenai tawaran yang dikeluarkan;
- 3.2 Pembayaran Yuran Tawaran dan Yuran Tawaran e-Dukumen diatas tidak akan dikembalikan walaupun kepada penender yang tidak berjaya. Ini antaralainnya bertujuan untuk menampung kos didalam penyedian dan pengeluaran dokumen-dokumen tawaran berkenaan;
- 3.3 Semantara itu, Wang Jaminan Prestasi juga perlu dikenakan apabila satu-satu tawaran itu sudah diluluskan kepada penender yang berjaya (*awarded*) untuk mempastikan kerja-kerja, perkhidmatan, penghantaran dan kontrak dapat dilaksanakan dengan sempurna. Kementerian/Jabatan hendaklah mempastikan yang Wang Jaminan Prestasi ini dilunaskan terlebih dahulu sebelum memulakan kontraknya. Kadar Wang Jaminan Prestasi adalah seperti berikut:

	Pembelian/ Pembekalan/ Perkhidmatan bernilai sehingga \$500,000.00	Pembelian/ Pembekalan/ Perkhidmatan bernilai melebihi \$500,000.00	Kontrak Pembinaan/ Pembangunan bernilai \$500,000 kebawah	Kontrak Pembinaan/ Pembangunan bernilai melebihi \$500,000.00
Kadar wang jaminan prestasi yang dikenakan	Dikecualikan (Waived)	1% - 5%	0% - 5%	1% - 8%

A handwritten signature in black ink, appearing to be a stylized 'S' or similar mark.



- 3.4 Wang Jaminan Prestasi yang dibayar ini akan dikembalikan semula kepada syarikat berkenaan apabila kerja-kerja, perkhidmatan, penghantaran atau projek yang ditawarkan kepada syarikat tersebut telah selasai dilaksanakan sepenuhnya dengan sempurna, tertakluk kepada syarat-syarat didalam kontrak yang telah ditandatangani.
4. Adalah diharapkan kadar-kadar Yuran Tawaran yang baru ini diharap akan dapat menarik lebih banyak SME untuk menyertai tawaran projek-projek Kerajaan.
5. Surat Keliling ini akan berkuat kuasa mulai 1 Julai 2009. Kadar-Kadar Yuran Tawaran dan Wang Jaminan Prestasi ini akan dikaji dari masa kesemasa bagi memastikan keberkesanannya.

Dengan hormat,

A handwritten signature in black ink, appearing to read "Awang Haji Bahrin Bin Abdullah".

[AWANG HAJI BAHRIN BIN ABDULLAH]
Setiausaha Tetap
Kementerian Kewangan
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Ruj: KKW/X/104
Tarikh: 3 Syaaban 1430/25 hb Julai 2009.

CUKAI KASTAM

Sukacita menarik perhatian semua pihak berkenaan bahawa segala pengimpotan barang-barang yang ber-cukai oleh pihak persendirian yang mana kemudiannya barang-barang tersebut dijual atau digunakan bagi perlaksanaan kerja-kerja kontrak dengan Kerajaan hendaklah dibayar cukai kastam. Cukai Kastam yang telah dibayar itu **TIDAKLAH** boleh dituntut balik (refund).

2. Dalam hubungan ini Jabatan-Jabatan Kerajaan adalah dinasihatkan apabila mengeluarkan tawaran bagi pembekalan barang-barang yang ber-cukai termasuk kenderaan-kenderaan hendaklah menyatakan dalam Pemberitahuan Tawaran mereka bahawa harga tawaran hendaklah termasuk Cukai Kastam.

3. Bagaimanapun barang-barang untuk kegunaan Kerajaan yang dipesan terus dari seberang laut oleh Jabatan-Jabatan berkenaan serta diselesaikan sendiri oleh Jabatan itu menerusi Kastam bolehlah dibebaskan dari pembayaran cukai. Jabatan-Jabatan Kerajaan tidaklah dibenarkan untuk memberi sebarang surat pengakuan kepada pengimpor persendirian bagi membolehkannya mengelak pembayaran cukai.

4. Peraturan ini akan bermula kuatkuasanya mulai dari tarikh Surat Keliling ini dan ianya mengganti Surat Keliling Perbendaharaan Bil: 3/1981.



[DATO HAJI ZAKARIA HAJI JENEH]
Pengarah Perkhidmatan-Perkhidmatan Kewangan
Kementerian Kewangan
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.